

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SANTHARA
[SEGAMAT]

TARIKH : 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 77

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membina Pusat Rehabilitasi Physio yang kedua di bawah penyeliaan PERKESO seperti yang telah dibina di Melaka dan bilakah Pusat Rehabilitasi Physio akan dibina di Sabah atau Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pada masa ini PERKESO mempunyai sebuah pusat rehabilitasi dikenali sebagai Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR) yang terletak di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka. PRPTAR ini mula beroperasi pada 1 Oktober 2014 bertujuan untuk membantu pencaerum PERKESO untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional menerusi program pemulihan yang komprehensif dengan menyediakan kemudahan yang lengkap dan akhirnya dapat kembali ke alam pekerjaan.

SOALAN NO: 77

2. Berkenaan dengan perancangan untuk menubuhkan sebuah lagi pusat rehabilitasi, Kementerian Sumber Manusia sebenarnya bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan bagi membuka pusat rehabilitasi di mana-mana lokasi yang bersesuaian termasuklah di Sabah dan Sarawak untuk kemudahan kepada Orang Berinsurans mendapatkan rawatan pemulihan.

3. Walau bagaimanapun, pemilihan akhir lokasi cadangan untuk membuka pusat rehabilitasi baharu memerlukan kajian terperinci dan perlu mengambil kira pelbagai faktor serta perspektif secara menyeluruh dari segi impak sosioekonomi dan kemampuan dana organisasi selain faktor geografi, keperluan dan keutamaan kepentingan (*urgency*).